



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku

**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliiyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat

Berlian Nur Morat & Anis Shaari

UiTM Cawangan Kedah & Universiti Sains Malaysia

Aku dan Anis telah saling mengenali sejak zaman ijazah sarjana muda kami di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Kami bermula sebagai rakan sekelas, kemudian menjadi rakan serumah dan rakan sepasukan dalam pelbagai tugas dan projek. Dari saat kami bertemu, terjalinlah sebuah ikatan yang membawa kami melalui cabaran akademik dan kehidupan. Apabila tiba masanya untuk PhD, takdir sekali lagi mempertemukan kami. Peluang untuk melanjutkan pengajian datang serentak kepada kami berdua, dan kami memulakan perjalanan itu bersama-sama.

Namun, perjalanan PhD kami tidaklah mudah. Tekanan belajar, ditambah dengan komitmen peribadi, memberi kesan besar kepada kami berdua. Pada tahun ketiga, aku mendapati diriku benar-benar bergelut untuk menghabiskan pengajianku. Berbeza dengan kebanyakan rakan yang sudah membuat kemajuan besar atau bahkan telah menyelesaikan PhD mereka, aku berasa sangat tertekan dengan ujian demi ujian yang kuhadapi. Cadangan penyelidikanku masih jauh dari siap, dan tekanan itu semakin berat. Aku berasa hilang arah, baik dari segi intelektual, emosi mahupun rohani.

Keadaan semakin meruncing dengan pandemik COVID-19 yang memaksa kami berkurung dan mengganggu rutin harian kami. Universiti menutup pintunya, dan semua interaksi berpindah ke dalam talian. Jarak fizikal menambah rasa kesunyian yang aku alami. Tekanan yang kualami bertambah dari hari ke hari. Aku merindui kehadiran rakan-rakanku, terutamanya Anis, yang sikap optimistik dan sokongannya sentiasa menjadi sumber kekuatan.

Pada suatu petang, selepas hari yang sangat melelahkan akibat bekerja dari rumah, aku menerima satu notifikasi. Ia adalah penghantaran bungkusan. Dengan rasa ingin tahu dan sedikit bingung, aku pergi mengambilnya. Di dalam kotak itu terdapat sebuah buku berjudul "The Art of Letting God" yang ditulis oleh Mizi Wahid. Terdapat juga nota tulisan tangan daripada Anis dalam Bahasa Inggeris yang terjemahannya lebih kurang begini:

"Kepada Berlian yang dikasihi,

Aku tahu betapa sukarnya keadaan, terutamanya dengan semua yang sedang berlaku. Aku harap buku ini dapat memberikan sedikit keselesaan dan panduan. Ingatlah bahawa kau tidak bersendirian, dan kita akan melalui perjalanan ini bersama-sama, walaupun kita berjauhan.

Daripada seorang teman yang peduli, Anis"

Air mata mula mengalir di pipiku apabila aku membaca nota itu. Anis, walaupun dengan jarak, telah mencari jalan untuk menyampaikan sokongan. Malam itu, aku mula membaca buku tersebut. Kata-kata penulisnya sangat menyentuh hati. Buku itu berbicara tentang melepaskan

kawalan dan menaruh kepercayaan kepada kuasa yang lebih tinggi, sesuatu yang aku sedang bergelut untuk lakukan. Ia menekankan kesabaran, keimanan, dan kepercayaan bahawa segala-galanya berlaku mengikut ketetapan Tuhan.

Satu petikan khususnya sangat memberi kesan kepadaku:

“the next time you feel like turning your joy over to your enemy (the devil) or giving it away to someone who hurt you and disrupted your plans, keep in mind that our stops and our steps are determined by the All Knowing and the Most Merciful God. Have unquestionable faith in His guidance towards something much better for your future, InsyaAllah”.

Sambil aku terus membaca, aku perlahan-lahan mengakui kebesaran Tuhan melalui ujian-ujian yang kulalui. Secara tidak langsung, aku merasakan ketenangan menyelubungi diriku. Keresahan yang selama ini mengganguku perlahan-lahan mula hilang. Pesanan buku itu tentang menaruh kepercayaan kepada rancangan Tuhan memberiku semangat baru. Aku sedar bahawa perjalananku, walaupun sukar, adalah sebahagian daripada pelan yang lebih besar. Selama ini aku terlalu membesarkan masalah yang menyelubungi diri sehingga terlupa tentang rancangan Tuhan yang jauh lebih besar.

Dalam minggu-minggu berikutnya, aku mula mengamalkan cara-cara yang dipelajari daripada buku itu. Aku memulakan hari-hariku dengan doa, memohon panduan dan kekuatan. Aku mengambil rehat apabila perlu dan membenarkan diriku berehat tanpa rasa bersalah. Paling penting, aku mula mempercayai ketetapan masa Tuhan dan berhenti membandingkan kemajuanku dengan orang lain. Masalah serta tekanan yang aku besarkan selama ini kini bertukar menjadi jujuk-jujuk yang lebih kecil dalam hidup – lebih mudah diuruskan dan diselesaikan.

Anis terus menjadi penyokong utama, selalu memberi galakan melalui panggilan video dan mesej. Kami sering berbual panjang tentang impian, ketakutan, dan cabaran yang kami hadapi. Perbualan-perbualan ini sering merujuk kepada apa yang dipelajari dari buku tersebut, menguatkan keyakinan bahawa perjuangan kami hanya sementara dan kesabaran serta keimanan akan membantu kami menghadapinya. Kuasa kepercayaan kepada Tuhan yang mengatur segalanya, serta percaya bahawa diri ini hanya insan kerdil yang perlu sentiasa berserah kepada Dia membuatkan kami semakin membuka minda dan hati, bahawa manusia itu diciptakan untuk berusaha seupayanya, namun hasilnya perlu dikembalikan kepada Tuhan sebaik-baik Perancang.

Secara beransur-ansur, mindaku berubah. Aku berhenti melihat perjalanan PhDku sebagai perlumbaan melawan masa dan sebaliknya melihatnya sebagai perjalanan peribadi untuk berkembang. Aku mula membuat kemajuan yang stabil dalam cadangan kajianku, bukan kerana aku terburu-buru, tetapi kerana aku bekerja dengan fikiran yang tenang dan hati yang penuh harapan. Anis dan aku sering mengingatkan diri tentang cara kami melihat sesuatu dari perspektif yang berbeza, sebagaimana yang dinyatakan dalam buku tersebut - *“But I do strongly believe that sometimes God is more interested in seeing a change in us, than a change in our situation. So rather than turning our circumstances around, He may prolong it to see if we've got what it takes to change our ways; to grow, to improve. and to mature into the person He's destined you to become.”* Benar sekali, Tuhan lebih ingin melihat kita berubah ke arah yang lebih baik, berbanding menyediakan perubahan mudah dalam situasi kita.

Suatu petang, semasa salah satu panggilan video kami, Anis melihat perubahan dalam diriku. “Kau nampak lain kebelakangan ini,” katanya dengan senyuman.

Aku mengangguk. “Aku rasa berbeza. Hadiah kau... ia benar-benar membantu aku. Aku telah belajar untuk melepaskan dan mempercayai bahawa segala-galanya akan berjalan dengan baik.”

Anis tersenyum lebar. “Aku gembira. Aku tahu kau hanya perlukan sedikit peringatan tentang betapa kuatnya keimanan kau.”

Perjalanan PhD kami terus mengalami naik turun, tetapi dengan sokongan antara satu sama lain dan hikmah yang aku peroleh daripada buku “The Art of Letting God,” kami menghadapi setiap cabaran dengan kekuatan baru. Aku berjaya menyelesaikan cadangan penyelidikan dan bergerak ke hadapan dengan penyelidikan, berasa lebih yakin dan tenang berbanding apa yang pernah aku rasakan selama ini.

Lebih kurang 2 tahun kemudian, ketika kami berdiri bersama dalam jubah konvokesyen, bersedia menerima ijazah kedoktoran kami, aku memandang Anis dengan rasa terima kasih. “Aku tak dapat lakukan ini tanpa kau,” kataku, mataku bergenang dengan air mata.

Anis menggelengkan kepala. “Kau lakukan ini kerana kau menemui kekuatan dan keimanan kau. Aku hanya di sini untuk mengingatkan kau tentang itu.”

Semasa kami melangkah ke pentas untuk menerima ijazah, aku tak boleh lari daripada mengenang kembali kesukaran yang aku alami pada tahun ketiga. Aku sedar bahawa perjalanan itu bukan sahaja tentang mendapatkan PhD, tetapi juga tentang menemui kekuatan kesabaran, keimanan, dan sokongan tanpa berbelah bagi seorang sahabat sejati.

Akhirnya, “The Art of Letting God” bukan hanya sebuah buku, tetapi juga sebuah sumber harapan dan peringatan bahawa, dengan keimanan dan kesabaran, apa-apa sahaja boleh dilakukan. Aku dan Anis bukan sahaja berjaya menyelesaikan PhD kami; kami telah mempelajari pelajaran hidup yang tidak ternilai yang akan kekal bersama kami selama-lamanya – sepertimana yang diungkapkan oleh penulis dalam karyanya itu - *“Hardships can humble you, but it cannot break you unless you let it.”* – Bukanlah kesusahan itu menjatuhkanmu melainkan dikau yang membenarkan hal itu terjadi.



Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810